

02/03/1997

Isu sempadan boleh selesai

Zainudin Isa; Zulkofli Jamaluddin

HAMPIR setiap kali pemimpin Thailand melawat Malaysia, isu berkiatan sempadan tetap menjadi agenda perbincangan. Meskipun ada isu pertikaian sempadan itu dianggap sudah lapuk kerana berlarutan lebih 15 tahun, kedua-dua pihak tetap tidak berputus asa untuk mencari jalan penyelesaian.

Malah, banyak jawatankuasa sempadan bersama diwujudkan serta disusuli pula dengan pelbagai rundingan dua hala membabitkan ketua serta pemimpin peringkat tertinggi kerajaan.

Paling terbaru pertemuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatnya, Jeneral Tan Sri Chavalit Yongchaiyudh, Khamis lalu.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin sepakat menyelesaikan isu penandaan sempadan dalam tempoh tidak lebih 60 hari.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata kedua-dua pemimpin mahu formula tertentu diwujudkan bagi memastikan pertikaian isu itu diselesaikan secara adil menggunakan prinsip 'tiada untung, tiada rugi' atau kedua-dua pihak beroleh kemenangan.

Perkembangan terbaru itu tentu melegakan ramai pihak, terutama kerajaan negeri dan pihak yang bertanggungjawab menjaga keselamatan sempadan di kedua-dua negara.

Isu sempadan sebenarnya cukup sensitif dan sebarang pertikaian mengenainya boleh menjejaskan hubungan dua hala sama ada politik, ekonomi atau sosial.

Tidak dapat dinafikan hampir setiap tahun ada saja isu membabitkan sempadan Malaysia-Thailand, antaranya pencerobohan pasukan keselamatan, pertikaian batu tanda, pembinaan tembok, kegiatan penyeludupan barang dan kemasukan pendatang tanpa izin.

Laporan yang mengatakan lebih 30,000 pendatang asing berselindung di negara jiran itu untuk memasuki Malaysia, juga perlu ditangani bersama bagi mengelak negara ini dibanjiri pendatang asing.

Kita tidak mahu sempadan kedua-dua negara dari Sungai Golok, Kelantan di sebelah timur sehingga ke Padang Besar di barat Semenanjung, dibolosi tanpa pengawasan sewajarnya.

Berikutan itu, kita merasakan pembinaan tembok dan pagar keselamatan di sempadan kedua-dua negara penting bagi mengelak ia dibolosi dengan mudah terutama yang ingin mencari pekerjaan di negara ini.

Isu yang bertali arus ini ada kalanya cukup rumitkan, lebih-lebih lagi untuk mencari mekanisme penyelesaian yang saksama serta menguntungkan kedua-dua negara.

Begitu juga status tanah yang dibina kuil Thai, kira-kira 10 meter dari pagar keselamatan di Padang Besar, Perlis. Ia mula dipersoalkan berikutan insiden pencerobohan oleh enam pegawai kastam Thailand yang masuk ke kawasan berhampiran kuil untuk membanteras kegiatan penyeludupan pada 1993.

Malah, sebelum itu, Thailand turut mempertikaikan masalah sempadan di bazar segi tiga di Padang Besar sehingga wujud apa yang dipanggil tanah tidak bertuan.

Usaha Malaysia membina tembok sempadan konkrit di Perlis dan Kedah sejauh kira-kira 20.9 kilometer untuk membanteras kegiatan penyeludupan baru-baru ini turut dianggap sebagai tindakan negara kita meluaskan wilayah.

Kita bukan bermaksud untuk mengungkit perkara yang sudah berlaku. Kita

percaya konflik sempadan boleh diselesaikan berasaskan semangat setiakawan, lebih-lebih lagi hubungan Malaysia-Thailand sudah menjangkau berabad lamanya.

Malah, selaku anggota Asean, kita tidak mahu isu yang dianggap kecil itu gagal diselesaikan, sedangkan banyak isu besar termasuk di peringkat antarabangsa berhasil dikendalikan pertubuhan serantau itu.

Lebih penting, isu berkenaan juga janganlah sampai membantutkan usaha kedua-dua negara menjurus kerjasama yang lebih besar, termasuk Pembangunan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

(END)